

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PERKILANGAN)
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

TAJUK PROJEK :

HANGER AND ADAPTOR FOR
UNDERCOAT SYSTEM

DISEDIAKAN OLEH

SHARUL NIZAM MOHD DIN
MOHD ANUAR RAMLI
ROSDI ISMAIL

PENGHARGAAN :

Di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penasihat projek kami iaitu **En. Ismail Nasiruddin bin Ahmad** yang banyak membantu kami untuk menyiapkan projek ini. Dengan bimbingan, cadangan, nasihat dan perbincangan yang diberikan kepada kami selama projek ini dijalankan sehinggalah projek ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

Disamping itu juga, jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pihak-pihak yang telah terlibat dalam menjayakan projek akhir kami, terutamanya kepada **Associated Motor Industries (M)** salah sebuah anak syarikat 'Tractor Malaysia' yang beribupejabat di Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan.

KANDUNGAN

TAJUK :	MUKA SURAT
1.0 PENGENALAN DAN SEJARAH KILANG A.M.I (M)	
1.1 Sejarah Pembabitan A.M.I (M)	1
1.2 Jenis Kenderaan di A.M.I (M)	5
1.3 Organisasi A.M.I (M)	8
2.0 SISTEM YANG TERDAPAT DI A.M.I (M)	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Penerangan mengenai sistem	
2.2.3 Body Build Line	10
2.2.4 Paintshop Line	12
2.2.5 Final Line	16
3.0 PERLAKSANAAN PROJEK	
3.1 Pengenalan	17
3.2 Tujuan	19
3.3 Matlamat dan objektif projek	20

4.0	PENGENALAN HANGER	21
4.1.	Kegunaan ‘ hanger ’.	21
4.2	Jenis-jenis ‘ hanger ’ yang sedia ada.	22
4.3	Kepentingan ‘ hanger ’.	26
4.4	Kelemahan ‘ hanger ’ yang sedia ada.	27
5.0	LOKASI HANGER	30
6.0	PENGENALAN ADAPTOR	31
6.1	Kegunaan ‘ adaptor ’.	32
6.2	Jenis-jenis ‘ adaptor ’ yang sedia ada.	33
6.3	Kepentingan ‘ adaptor ’.	35
6.4	Kelemahan ‘ adaptor ’ yang sedia ada.	35
7.0	PERANCANGAN REKABENTUK	37
7.1	Rekabentuk Adaptor	38
7.2	Bahan-bahan untuk pembinaan Base Adaptor	39
7.3	Lukisan terperinci tajuk Untuk Semua Model	40
7.4	Pembinaan dan penggunaan Adaptor	
	7.4.1 Penerangan Pembinaan	41
	7.4.2 Penerangan Penggunaan	41

1.0 PENGENALAN DAN SEJARAH KILANG A.M.I (M)

1.1 SEJARAH PEMBABITAN A.M.I (M)

Associated Motor Industries (Malaysia) Sdn.Bhd atau lebih dikenali sebagai A.M.I (M) adalah sebuah kilang pemasangan kenderaan di Malaysia. Selain daripada itu aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan di A.M.I (M) adalah seperti mengimpot dan mengedar kenderaan. Kilang A.M.I (M) ini telah ditubuhkan dan dibina pada tahun 1968 oleh WEARNES di tanah yang seluas 16.4 hektar. Kilang A.M.I (M) ini terletak di kawasan Majlis Perbandaran Shah Alam iaitu di **Jalan Sesiku 15/2, seksyen 15, 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan.**

Diantara pembikinan awalnya, kilang A.M.I (M) telah memasang kenderaan jenis Austin, Morris, Ford, Renault dan Holden. Pada tahun 1979, WEARNES telah menarik diri sebagai pemasang dan pengedar kenderaan motor Ford. Manakala Syarikat Ford Motor Malaysia telah membeli kilang pemasangan ini dan memulakan urusan pengedaran. Perjanjian bergabung di antara Pemas Sime Darby Holding dengan Syarikat Ford Motor Malaysia telah dimetrai pada tahun 1981 yang mana Pemas Sime Darby Holding memegang saham ekuiti sebanyak 49 peratus.